

07 APR 2001

Mahathir-Kempen

SAYA TAK SOKONG ATAU TENTANG MANA-MANA CALON, KATA DR MAHATHIR

IPOH, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa beliau tidak pernah menyokong mana-mana pihak pada pemilihan Umno bahagian yang sedang berlangsung sekarang.

Katanya beliau dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Timbalan Presiden Umno, tidak terlibat menyokong atau menentang mana-mana calon.

"Masing-masing mestilah bertanding atas prestasi diri sendiri dan bukan bergantung kepada mana-mana nama," katanya pada sidang berita di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini hari ini di akhir lawatan dua hari ke Perak.

Turut hadir ialah ialah Setiausaha Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Dr Mahathir berkata bahawa beliau mahukan calon yang terbaik untuk menang dalam pemilihan tersebut iaitu orang yang tidak menggunakan cara-cara yang tak diizinkan untuk menjadi ketua.

Mengenai lawatannya ke Parit Buntar, Bagan Serai dan Parit semalam, Perdana Menteri berkata beliau telah mendengar masalah rakyat.

"Dari sesi dialog itu, mereka ketengahkan masalah-masalah mereka dan kita tahu masalah mereka. Kita dengar masalah ini sebelum ambil tindakan," katanya.

Dr Mahathir berkata berdasarkan lawatan beliau ketiga-tiga tempat itu, pada umumnya penduduk kawasan terbabit tiada masalah untuk menyokong Umno.

"Cuma mereka mahukan beberapa pembangunan tertentu," katanya.

Pada pilihan raya lepas, Pas memenangi kerusi Parlimen Parit Buntar dan Parit selain menawan Dewan Undangan Negeri kawasan Titi Serong dalam Bahagian Bagan Serai.

"Saya melawat ke sana bukan kerana ia dalam kawasan pembangkang tetapi saya merasakan ia tempat yang bagus untuk dilawati untuk merangsangkan Umno kawasan tersebut yang sedikit kecewa kerana kalah dalam pilihan raya yang lepas," kata Dr Mahathir.

Beliau kemudian berlepas dengan helikopter ke Gua Musang untuk memulakan lawatan sehari ke Kelantan.

-- BERNAMA

KAY MAI